



BERITA HARIAN 8/4/2019

Hias Guna Idea Sendiri

SERLAH kreativiti dengan melakukan sendiri tugas menghias dengan meletak beberapa elemen hiasan mengikut cita rasa anda dan keluarga.



Panduan berikut dikongsikan:

* **Luangkan** masa menelaah majalah atau akhbar yang memaparkan maklumat hiasan dalaman.

* **Anda** boleh membeli cat dan mewarnakan sendiri ruang dinding.

- Bermain dengan warna pada dinding dan aksesori hiasan, pastinya menampilkan ruang lebih ceria.
- Hasilnya tetap memberikan kepuasan jika dilakukan dengan berhati-hati.

* **Bagi** menaikkan seri ruang tamu anda, pengaliran udara dan penerimaan cahaya matahari amat perlu.

- Kemasukan cahaya matahari mampu menyuntik visual keindahan berbeza pada ruang berkenaan tanpa perlu bersusah payah menghias hingga membazir.
- Penggunaan langsir jenis nipis dengan rona cerah membenarkan kemasukan cahaya semula jadi itu.
- Pendekatan menjahit sendiri sarung kusyen dan bantal hiasan menjimatkan belanja.

* **Langkah** mengecat atau mengilatkan semula perabot lama dapat menampilkan gaya berbeza.

* **Ruang tamu** yang sentiasa menjadi tempat berkumpul kelihatan lebih sempit kerana terlalu banyak perabot diletakkan.

- Selain meluaskan ruang sedia ada, wang dapat diijamatkan untuk membeli keperluan lebih penting di ruang lain.
- Potret keluarga sesuai digantung pada ruang tamu.
- Kehadiran lukisan terpilih atau lakaran anak anda membuatkan ruang itu lebih berseni dan berkarakter.

